

PETIKAN TITAH

"BETA berhasrat supaya ditubuhkan sebuah perpustakaan Islam yang mempunyai agenda ilmu yang meliputi tiga program utama : Satu untuk mengumpul secara sistematis segala ilmu dan maklumat Islam yang meliputi semua mazhab dan di dalam

**MANISNYA IMAN**

"SABDA Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, dari Abi Syaidd Radiallahu Anhu : Peniaga yang benar lagi amanah itu tempatnya bersama Nabi-nabi, para siddiqin dan pejuang agama yang mati syahid " - Maksud hadis Rasulullah riwayat Al-Imam

R abu
3 Ogos 2005
27 Jamadilakhir, 1426
Tahun 50 Bilangan 31

[Berita Utama](#)
[Berita Ringkas](#)
[Haluan](#)

[Dari Sidang Pengarang](#)
[Melirik Masa Silam](#)
[Kan Halnya](#)
[Mesyuarat Ke-38](#)
[Menteri-menteri Luar ASEAN](#)

[Aneka Rencana](#)
[Fokus](#)
[Suara Dari Mimbar](#)

[Menuju Keredaan Allah](#)
[Sepuluh Negara Satu Masyarakat](#)

[Sudut Perkhidmatan Awam](#)
[Minda Pembaca](#)

[Remaja](#)
[Belia](#)
[Arena Sukan](#)
[Iklan-iklan Jawatan Kosong](#)
[Iklan-iklan Tawaran](#)
[Arkib](#)

TAHUKAH AWDA?

KERAJAAN melalui Jabatan Hal Ehwal Usgama mula menganjurkan Peraduan Membaca Al-Quran dewasa lelaki dan perempuan seluruh negeri pada tahun 1961 bagi memilih johan dan naib johan untuk mewakili negeri ke Peraduan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur. Wakil Brunei yang pertama ke peraduan itu ialah Awang Yusof bin Abdul Latif (Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Haji Mohd. Yusof bin Abdul Latif) dan Awang Haji Sabtu bin Ahmad. Mulai tahun itu juga, peraduan yang pada mulanya dianjurkan dan dikelolakan sejak tahun 1953 oleh Persatuan Kesatuan Islam Brunei itu, dianjurkan dan dikelolakan oleh kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwal Usgama. - Sumber: RISTAAAN 25 TAHUN PERADUAN

**HALUAN**

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Perasmian Konvensyen Pendidikan dan Profesionalisme pada hari Rabu, 20 Jamadilakhir, 1426/27 Julai 2005.

ILMU MERUPAKAN JIWA KEPADA KEMULIAAN DAN KEMAJUAN

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim*

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta amat bersyukur sambil berbangga, kerana perayaan Hari Keputeraan beta yang ke-59 pada tahun ini turut diserikan oleh satu majlis yang diberi nama Majlis Ilmu dalam bentuk Konvensyen Pendidikan dan Profesionalisme yang akan bermula pada hari ini.

Beta melihat majlis ini adalah satu kelainan yang bermakna, kerana ia telah mengisyaratkan adanya satu peningkatan di kalangan mereka yang mengungkayahkannya. Peningkatan tersebut tentu sahaja peningkatan minda dan peningkatan intelektualisme yang sangat-sangat diperlukan oleh bangsa.

Bangsa yang menitikberatkan pendidikan adalah bangsa yang mempunyai masa depan. Mereka akan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain yang memiliki nama-nama besar di arena antarabangsa.

Beta melihat, acara-acara ilmu dalam bentuk konvensyen, boleh sahaja menjadi wadah kepada pembangunan insan. Ia berfungsi menggali dan mengembangkan idea-idea bernes ke arah pembangunan tersebut.

Pembangunan adalah tidak memadai di bidang fizikal semata-mata. Malah memerlukan juga integrasi kerohanian secara seimbang. Kerana pembangunan yang pincang, tidak ada berupaya melahirkan bangsa yang maju dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Apabila kita maju dalam acuan yang betul, maka insya-Allah, kita akan dipandang mulia, bukan sahaja di mata manusia malahan juga di sisi Allah Subhanahu Wataala.

Konvensyen yang akan berlangsung selama 11 hari ini, pada hemat beta, adalah satu langkah yang patut dibuat susulan oleh semua pihak, sama ada dalam kerajaan maupun bukan kerajaan.

Semua pihak tersebut perlu merendah diri untuk mendengar dan menilai segala buah fikiran para pakar, peserta seminar, bengkel dan pameran di dalam konvensyen. Kita wajar sama-sama melihat dan mencari mutiara contoh, tanpa mengira dari mana dan daripada siapa juga datangnya.

Ilmu itu sifatnya tidak statik tetapi berkembang. Ia perlu dicapai dan dihayati, sejarah dengan zaman. Berhenti daripada mengikuti perkembangan ilmu, bermakna menyekat perjalanan untuk maju, sedangkan menyekat perjalanan untuk maju itu adalah satu perbuatan yang sia-sia lagi tidak bertamadun.

Tamadun tidak datang bergolek seperti bola, tetapi ia dibina dengan ilmu dan azam.

Dalam satu ketika, mungkin juga tidak mengapa kita melupakan lain-lain perkara, tetapi dengan ilmu, janganlah sekali-kali cuai atau lupa. Kerana ilmu itu sifatnya istimewa, merupakan jiwa kepada kemuliaan dan kemajuan.

Maka atas dasar itu, beta amatlah gembira dan berbesar hati, jika usaha-usaha menjana ilmu seperti ini akan terus dibuat, sebagai salah satu langkah ke arah menyuntik kesedaran bangsa dan masyarakat terhadap kepentingannya.

Dengan lafaz yang indah lagi agung:

Bismillahir Rahmanir Rahim, Allahumma Salli 'Alaa Sayyidina Muhammad, Wa'alaa Aali Sayyidina Muhammad, beta rasmikan Konvensyen Pendidikan dan Profesionalisme, Majlis Ilmu Perayaan Hari Keputeraan beta yang ke-59.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.